

→ JENAYAH

80 pengunjung pusat hiburan disyaki terabit dadah ditahan

Kuala Lumpur: Seramai 80 orang termasuk 39 warga Indonesia ditahan kerana disyaki terabit kegiatan penyalahgunaan dadah dalam serbuan polis terhadap dua pusat hiburan di Jinjang, Sentul di sini, awal pagi semalam.

Serbuan membabitkan sebuah pusat karaoke dan sebuah kelab malam yang sering menjadi tumpuan warga tempatan dan warga asing untuk berhibur pada malam minggu.

Dalam serbuan kira-kira jam 3.30 pagi oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, seramai 164 pengunjung diarah menjalani ujian saringan air kencing sebelum 41 orang didapati positif dadah.

Keseluruhan tangkapan termasuk 41 warga tempatan itu terdiri daripada 57 lelaki dan 23 wanita berusia antara 16 hingga 60 tahun.

20 positif dadah

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner S Shanmugamoorthy, berkata dalam serbuan pertama di sebuah pusat karaoke, seramai 86 pengunjung menjalani ujian saringan air kencing sebelum 20 daripadanya didapati positif dadah.

"Dalam serbuan di situ juga kita menahan 39 pengunjung warga Indonesia kerana didapati memiliki pil ekstasi.

"Serbuan kedua di sebuah kelab malam, seramai 78 pengunjung diarah menjalani ujian saringan air kencing dan 21 orang positif dadah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, kesemua mereka ditahan mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi kesalahan memiliki dadah dan Seksyen 15(1)(a) akta sama kerana urin positif dadah.